



Ruj. Kami : JPA/PEN/335/1/2-41 Jld. 2
Tarikh : 4 Oktober 2017

Senarai edaran adalah seperti di Lampiran A

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PENGUNAAN BORANG BAHARU BAGI PERMOHONAN LAPORAN PENGESAHAN
PAKAR PERUBATAN BAGI TUJUAN DAFTAR ANAK CACAT TANGGUNGAN PESARA**

Dengan segala hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menambahbaik borang permohonan laporan pengesahan pakar perubatan bagi tujuan daftar anak cacat tanggungan pesara. Borang permohonan format baharu ini adalah bagi menggantikan borang permohonan yang lama, berkuat kuasa mulai 20 September 2017.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan kepada semua anggota/pegawai yang sedang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Bahagian termasuk Institusi/Agensi di bawah tanggungjawab YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan terutama kepada bakal pesara yang mempunyai anak cacat untuk menggunakan borang format baharu ini sekiranya ingin mendaftarkan anak cacat mereka sebagai penerima pencen terbitan setelah kematian pegawai/pesara kelak.

4. Borang permohonan format baharu ini boleh didapati dan dimuat turun melalui pautan ke laman portal jabatan ini seperti berikut:

- a) Pautan: <http://www.jpapencen.gov.my/borang.html> - senarai borang;
- b) Klik pada borang bernombor 18; dan
- c) Nama borang: JPA.BP.UMUM.B04 (Borang Pengesahan Anak Cacat).

5. Oleh yang demikian, penjawat awam yang memilih opsyen skim berpencen yang mempunyai anak cacat bolehlah membuat permohonan untuk mendaftarkan anak cacat mereka tersebut bersekali dengan proses permohonan persaraan wajib mencapai umur, permohonan persaraan pilihan atau permohonan pencen terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan dengan melengkapkan borang ini dan mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pakar perubatan Kerajaan yang berkaitan dengan kecacatan yang dialami.

6. Permohonan tersebut seterusnya akan diteliti dan diputuskan kelayakannya oleh Jabatan ini. Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi pihak kami seperti maklumat berikut:

Unit Sinergi, Bahagian Pasca Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 – 88854122 / 4438
Email: azril.wanchik@jpa.gov.my / ali.bakri@jpa.gov.my

7. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ANOM AKMAR BINTI MOHD OMAR)
Timbalan Pengarah
Bahagian Pasca Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Tel.: 03-88854027
Emel: anom.omar@jpa.gov.my